

Pusat persinggahan NUR jadi pusat rujukan bagi pelajar dan belia bermasalah

Oleh **AZAHAR MOHD**
azahar@sph.com.sg

PUSAT persinggahan NUR akan diubah menjadi pusat rujukan yang membantu pelajar dan belia yang dikenal pasti mempunyai masalah di sekolah atau masalah sosial.

Sebelum ini, ia kebanyakannya mengendalikan kes remaja bermasalah yang datang sendiri ke pusat itu.

Talian bantuan NURteensLine pula akan diteruskan tetapi dikendalikan oleh pegawai Jabatan Pembangunan Belia Yayasan Mendaki. Ia sebelum ini dikendalikan oleh Angkatan Karyawan Islam (AMP), Masjid Al-Falah dan Clubilya.

Perubahan ini dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mendaki, Cik Moliah Hashim, dalam satu jawapan e-mel baru-baru ini.

Pusat persinggahan dan talian bantuan itu adalah khidmat di bawah Program NUR, satu inisiatif Forum Pemimpin Masyarakat (CLF).

Menjelaskan lebih lanjut, Cik Moliah berkata tahun ini program NUR akan memberi tumpuan pada pelajar dan belia yang dirujuk kepadanya setelah dikenal pasti menghadapi isu di sekolah atau isu sosial di luar sekolah oleh agensi belia, termasuk yang bukan rakan kerja CLF.

“Belia yang dikenal pasti adalah mereka yang telah melalui program bimbingan

” Mereka akan dirujuk kepada salah satu daripada tiga rakan kongsi NUR masa ini iaitu AMP, Masjid Al-Falah dan Clubilya. Agensi tersebut mempunyai pekerja sosial bagi belia yang sedia mendekati remaja yang memerlukan bantuan.

– **Cik Moliah Hashim,**
CEO Mendaki.

atau pembangunan lain dan disyorkan supaya diberi bimbingan selanjutnya.

“Mereka akan dirujuk kepada salah satu daripada tiga rakan kongsi NUR masa ini iaitu AMP, Masjid Al-Falah dan Clubilya. Agensi tersebut mempunyai pekerja sosial bagi belia yang sedia mendekati remaja yang memerlukan bantuan,” katanya.

Perubahan itu hasil perbincangan mengenai program NUR antara Mendaki dengan lima rakan kongsinya – AMP, Persekutuan Ain, Masjid Al-Falah, Clubilya dan Pusat Perkhidmatan Keluarga PPIS

Jurong.

Dapatan perbincangan itu dikongsi dalam konvensyen CLF November lalu. Menurut kertas kes kajian yang dibentangkan CLF, bilangan remaja dan ibu bapa yang memanfaatkan NURteensLine dan pusat persinggahan NUR telah berkurangan sejak beberapa tahun lalu.

Apabila dilancarkan pada 2006, NURteensLine menerima sekitar 1,078 panggilan, tetapi ia berkurangan kepada 250 panggilan pada 2007 dan hanya 153 tahun lalu.

Bagi pusat persinggahan NUR, setiap satu daripada tiga pusat itu mengendalikan purata 137 kes pada 2006.

Walaupun dua pusat persinggahan ditambah pada 2007 menjadi lima, purata kes bagi setiap pusat persinggahan itu berkurangan kepada 67 setahun dan hanya 28 kes setahun tahun lalu.

Pengurangan itu antara lain kerana kurang kesedaran mengenai khidmat tersebut dan pengurangan usaha mendekati belia.

Selain itu, landskap belia dan keperluan belia yang berubah memerlukan campur tangan dan pendekatan berbeza, tambah Cik Moliah.

Pengerahan kaunselor sekolah sepenuh masa sejak 2007 juga mengurangkan keperluan bagi belia memanfaatkan pusat persinggahan dan talian bantuan itu.